

**UCAPAN PERASMIAN  
YBHG. DATO' ABDUL FATTAH ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA**

**PROGRAM WEBINAR JOM PERKASA  
INFAQ LIL-WAQF PERINGKAT NEGERI  
SARAWAK 2021**

**12 OGOS 2021 (KHAMIS)  
9:30 PAGI**

**ANJURAN UNIT KUTIPAN DAN  
PENGURUSAN DANA INFAQ LIL-WAQF  
BAHAGIAN PENGURUSAN DAN  
PEMBANGUNAN SYARIAH ANGKASA**

---

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

Terima kasih saudara/saudari  
pengacara.

**YBhg. Datuk Hj. Mohamad Ali Hasan**  
**Naib Presiden ANGKASA**

**Yang Berusaha En. Wan Azizan Wan**  
**Zainal Abidin**  
Pengerusi Jawatankuasa  
Perhubungan ANGKASA Negeri

Sarawak dan Barisan Ahli  
Jawatankuasanya

**Yang Berusaha Tn. Hj. Azhar Hamzah**  
Pengurus Besar  
Bahagian Pengurusan dan  
Pembangunan Syariah ANGKASA

Koperator dan Warga Pendidik  
Seluruh Malaysia

Seterusnya Dato'-Dato/Datin-  
Datin/Tuan-Tuan/Puan-Puan yang  
dihormati sekalian

---

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izinNya, dapat kita mengadakan Program Webinar Jom Perkasa Infaq Lil-Waqf peringkat Negeri Sarawak 2021. Terima kasih kepada koperator, warga pendidik dan peserta-peserta yang dapat

bersama-sama dalam program anjuran Unit Kutipan dan Pengurusan Dana Infaq Lil-Waaf, Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Syariah ANGKASA ini.

2. Walaupun dijalankan secara maya, penyertaan peserta pada hari

ini melibatkan seluruh masyarakat tanpa mengira agama, bangsa dan negara amatlah dihargai. Syabas dan tahniah diucapkan! Di kesempatan ini juga, ribuan terima kasih diucapkan kepada panel jemputan yang sudi meluangkan masa untuk berkongsi

pengalaman dan kepakaran mereka bersama-sama dengan kita.

## **Hadirin Yang Dihormati Sekalian**

3. Program ini dianjurkan bertujuan untuk memberi pendedahan dan kesedaran kepada masyarakat

mengenai platform kebajikan yang disediakan oleh ANGKASA. Program ini menampilkan panelis yang terdiri daripada penceramah yang mempunyai ilmu kepakaran dan pengalaman dalam bidang wakaf.

4. Melalui Prinsip Ketujuh, Berprihatin Terhadap Masyarakat, ANGKASA komited melunaskan hasrat penyumbang melalui dana yang disalurkan melalui platform ini. Sejak tahun 2010 sehingga kini, sebanyak **RM12,916,168.27 juta** telah disalurkan kepada sektor ekonomi, pendidikan

dan kesihatan di seluruh Malaysia tanpa mengira agama, bangsa dan negara. Sehingga Julai 2021, sumbangan terkumpul dana Infaq Lil-waqf adalah **RM20,806,224.83** juta. Jumlah ini adalah termasuk **RM1.5 juta** yang telah disumbangkan oleh ANGKASA pada tahun ini.

5. ANGKASA selaku badan apeks, amat komited untuk menjadi ikon dan perintis dalam memartabatkan wakaf dalam gerakan koperasi di Malaysia khususnya dan masyarakat amnya tanpa mengira agama dan bangsa.

6. Kredibiliti ANGKASA dalam pengurusan dana wakaf yang telus dan profesional terbukti apabila ANGKASA dilantik sebagai nazir khas/pengurus aset bagi projek mega wakaf di kebanyakan negeri di Malaysia dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri.

7. ANGKASA optimis berkolaborasi dengan pihak Majlis Agama Islam Negeri dan agensi berkaitan untuk bersama-sama bersatu tenaga memartabatkan wakaf di Malaysia mahupun di peringkat antarabangsa.

8. Sejak 2015 sehingga kini, ANGKASA telah menjalankan kerjasama dengan:

- Majlis Agama Islam Negeri Johor;
- Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang; dan

- Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

## **Hadirin Yang Dihormati Sekalian**

9. Program ini juga mendapat sokongan daripada Jawatankuasa Tertinggi ANGKASA (JTK),

Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri (JPAN), pengurusan dan kakitangan ANGKASA yang merupakan penyumbang konsisten bulanan sejak tabung dana Infaq Lil-Waqf ditubuhkan sehingga kini dan jumlahnya sentiasa meningkat setiap tahun.

10. ANGKASA amat menghargai para penyumbang terutama pelanggan BPA yang terdiri daripada sekolah dan agensi kerjaan dan swasta serta koperasi yang memilih platform ini sebagai wadah kebajikan masing-masing. ANGKASA menyediakan pelbagai kaedah untuk

memastikan amalan berwakaf dipermudah seperti melalui sumbangan tunai dan potongan gaji, serta secara online melalui CIMB Clicks.

11. Melalui program ini, saya menyeru agar kita semua dapat meningkatkan sumbangan supaya lebih banyak

program kebaikan dan pembangunan kemasyarakatan dapat disalurkan kepada mereka yang memerlukan sama ada di dalam maupun luar negara.

12. ANGKASA mengalu-alukan kerjasama dengan pelbagai agensi

berteraskan konsep ‘**taawun**’ (tolong-menolong) dalam mendukung aspirasi memartabatkan amalan jariah ini. Oleh yang demikian, kita harus menjadi ikon dan penggerak menyalurkan informasi wadah kebajikan ini melalui pengamalan

konsep ‘**berat sama dipikul ringan sama dijinjing.**’

13. ANGKASA juga amat komited untuk menginovasikan pengurusan dan pentadbiran wakaf di Malaysia melalui tunjuk ajar Majlis Agama Islam Negeri. Saya yakin dengan

perkongsian pelbagai input yang akan dikongsi pada hari ini menjanjikan suatu penerapan impak positif dan menjadi pedoman dalam kehidupan peserta sekalian.

14. Akhir kata, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan

terima kasih kepada semua peserta Program Webinar Jom Perkasa Infaq Lil-Waaf ANGKASA Peringkat Negeri Sarawak 2021 pada hari ini. Besarlah harapan saya semoga program ini dapat memberi manfaat kepada semua yang menyertainya dan ANGKASA mengalu-alukan semua

peserta agar menjadikan platform ini sebagai pilihan bagi melunaskan hasrat melakukan kebaikan dan mengejar saham akhirat masing-masing.

Dengan lafaz suci  
Bismillahirrahmanirrahim,  
saya

merasmikan Program Webinar Jom Perkasa Infaq Lil-Waqf Peringkat Negeri Sarawak 2021.

Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah,  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh. Terima kasih.